



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Hong Leong MSIG Takaful Berhad
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai HLM Takaful Tenang 75. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	HLM Takaful Tenang 75

1. Apakah produk ini?

Ini adalah pelan takaful keluarga bertempoh yang boleh diperbaharui setiap tahun yang menyediakan perlindungan terhadap kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD). Pelan ini akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh satu (1) tahun lagi tanpa pengunderaitan, sehingga maksimum dua (2) kali. Sila ambil perhatian bahawa HLM Takaful Tenang 75 adalah tawaran terhad yang tersedia hanya pada 2022.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- (a) Tabarru' - Derma daripada bahagian sumbangan yang akan diperuntukkan ke Dana Risiko Peserta (PRF), yang akan digunakan untuk bantuan dan pertolongan bersama di kalangan rakan-rakan peserta.
- (b) Iltizam Bi Al-Tabarru' - Komitmen untuk melakukan Tabarru'.
- (c) Wakalah - Secara asasnya hubungan ejen-prinsipal, dimana Pengendali Takaful bertindak sebagai ejen bagi pihak peserta untuk menguruskan PRF dan Pengendali Takaful mendapat Yuran Wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan.
- (d) Ju'alah - Perjanjian di mana peserta berjanji untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful atas pencapaian atau prestasi baik Pengendali Takaful dalam menguruskan PRF yang menyebabkan berlakunya Lebihan dalam dana tersebut.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Jumlah Perlindungan Asas Permulaan: RM <XXXX>

Manfaat	Keterangan Manfaat	Tempoh Perlindungan*
Kematian	<p>Sekiranya berlaku kematian ketika sijil masih berkuatkuasa, kami akan membayar 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas.</p> <p>(a) Jumlah Perlindungan Asas akan disemak semula semasa pembaharuan pertama bersamaan 105% daripada Jumlah Perlindungan Asas Permulaan.</p> <p>(b) Jumlah Perlindungan Asas akan disemak semula semasa pembaharuan kedua bersamaan 110% daripada Jumlah Perlindungan Asas Permulaan.</p> <p>Sekiranya kematian disebabkan oleh bukan kemalangan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh permulaan sijil atau mana-mana tarikh pengembalian semula, yang mana kemudian, hanya Jumlah Sumbangan yang Telah Dibayar akan dibayar.</p>	1 tahun
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)	<p>Sekiranya berlaku TPD ketika sijil masih berkuatkuasa, kami akan membayar 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas sebagai Manfaat TPD. Semasa pembaharuan sijil, Jumlah Perlindungan Asas akan disemak semula seperti berikut:</p> <p>(a) Jumlah Perlindungan Asas akan disemak semula semasa pembaharuan pertama bersamaan 105% daripada Jumlah Perlindungan Asas Permulaan.</p> <p>(b) Jumlah Perlindungan Asas akan disemak semula semasa pembaharuan kedua bersamaan 110% daripada Jumlah Perlindungan Asas Permulaan.</p> <p>Had TPD maksimum semasa setiap hayat adalah RM 8 juta, untuk semua Manfaat TPD yang perlu dibayar di bawah semua sijil (termasuk rider) yang sudah dikeluarkan atau akan dikeluarkan, termasuk sijil ini berkenaan dengan Orang Dilindungi yang sama.</p> <p>Sekiranya TPD disebabkan oleh bukan kemalangan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh permulaan sijil atau mana-mana tarikh pengembalian semula, yang mana kemudian, hanya Jumlah Sumbangan yang Telah Dibayar akan dibayar.</p>	1 tahun

*Perlindungan akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh satu (1) tahun, sehingga maksimum dua (2) kali.

4. Berapakah jumlah sumbangan yang saya perlu bayar?

- Anggaran jumlah sumbangan yang anda perlu bayar: RM <XXX> <Mod Bayaran>
- Tempoh Sumbangan: Sehingga akhir tempoh perlindungan.
- Sekiranya anda merancang untuk menggunakan Baucar Perlindungan Tenang, sila ambil maklum bahawa baucar tersebut hanya akan digunakan bagi sumbangan pertama anda dan sumbangan bagi tahun tersebut hendaklah dibayar secara tahunan sahaja. Tiada baki akan dipulangkan sekiranya sumbangan anda adalah lebih rendah daripada jumlah baucar. Sebarang sumbangan yang melebihi jumlah baucar perlu dibayar oleh anda.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

(a) Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan termasuk kos pemasaran.

(b) Tabarru'

Sumbangan selepas ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke dalam PRF sebagai Tabarru'. Amaun Tabarru' adalah tidak dijamin memandangkan sumbangan bagi pelan ini juga tidak dijamin. Kami berhak untuk mengubah sumbangan dengan memberikan notis bertulis 90 hari kepada Peserta.

Jadual di bawah menunjukkan peruntukan Sumbangan:

	Yuran Wakalah	Tabarru'
% Sumbangan	45%	55%
Jumlah (RM) berdasarkan Sumbangan Tahunan	33.75	41.25

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu tahu?

(a) Kepentingan Pendedahan

Kewajipan pendedahan pra-kontrak - Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan semua fakta material, termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan perubatan dan nyatakan umur anda dengan betul. Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan yang anda tahu atau dijangka untuk mengetahui dengan sebaik-baik pengetahuan anda dan dengan niat baik.

(b) Tempoh Bertenang

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil tersebut dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda. Sekiranya anda menggunakan Baucar Perlindungan Tenang dan membatalkan sijil anda dalam tempoh 15 hari, anda boleh menggunakan semula baucar anda selepas 3 hari bekerja dari tarikh pembatalan untuk melanggan produk Perlindungan Tenang yang lain.

(c) Kewajipan Peserta

Anda perlu berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar sumbangannya.

(d) Iltizam Bi Al-Tabarru'

Sumbangan anda setelah ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke dalam PRF berdasarkan konsep Iltizam bi Al-Tabarru'.

(e) Perkongsian Lebihan daripada PRF

Sebarang lebihan daripada PRF akan diagihkan antara anda dan kami dalam nisbah 50:50. Kami berhak ke atas lebihan berdasarkan prinsip Syariah iaitu Ju'alah.

(f) Rekod Pembayaran

Sila simpan satu salinan rekod transaksi sebagai bukti pembayaran sumbangan.

(g) Menukar Sijil Takaful

Ia mungkin tidak memanfaatkan untuk menukar daripada satu sijil takaful kepada yang lain atau daripada satu pengendali takaful kepada yang lain kerana anda mungkin akan tertakluk kepada terma dan syarat baru untuk sijil takaful atau pengendali takaful tersebut.

(h) Tempoh Ihsan

Anda diberi tempoh ihsan selama 30 hari dari tarikh akhir pembayaran sumbangan. Sekiranya Sumbangan masih belum dibayar pada akhir tempoh ihsan ini, sijil mungkin akan luput.

(i) Pembaharuan Automatik Tanpa Pengunderaitan

Setelah sijil tamat, sijil akan diperbaharui secara automatik untuk perlindungan selama 1 tahun lagi tanpa sebarang syarat pengunderaitan, tertakluk kepada umur akhir maksimum ketika pembaharuan dan pembaharuan maksimum sehingga 2 kali. Sumbangan akan kekal pada tahap yang sama ketika pembaharuan. Walau bagaimanapun, kami berhak untuk mengubah sumbangan ketika pembaharuan dengan memberikan notis bertulis 90 hari. Anda perlu memberitahu kami sekurang-kurangnya 30 hari sebelum penamatan sijil jika anda tidak mahu memperbaharui sijil ini untuk 1 tahun lagi.

(j) Penamaan

Adalah penting untuk anda menamakan seseorang untuk menerima manfaat yang dibayar di bawah sijil anda dan memastikan bahawa penama tersebut menyedari tentang sijil yang anda sertai.

(k) Tempoh Menunggu

Tempoh menunggu selama 1 bulan dari tarikh permulaan sijil atau mana-mana tarikh pengembalian semula, yang mana kemudian, adalah terpakai untuk kematian dan TPD disebabkan bukan kemalangan dimana hanya Jumlah Sumbangan yang Telah Dibayar akan dibayar. Tempoh menunggu tidak akan terpakai ketika pembaharuan sijil.

(l) Mod Pembayaran

Anda boleh membayar sumbangan secara tahunan, separa tahunan, suku tahunan atau bulanan. Mod pembayaran yang sama adalah terpakai bagi setiap pembaharuan sijil. Walau bagaimanapun, sekiranya anda ingin menukar mod pembayaran anda, anda boleh memberikan notis bertulis kepada kami sebelum pembaharuan sijil.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai lengkap bagi terma dan syarat di bawah sijil ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

- (a) Manfaat Kematian tidak akan dibayar sekiranya kematian berpunca secara langsung atau tidak langsung oleh bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh permulaan atau sebarang tarikh pengembalian semula sijil, yang mana kemudian.
- (b) Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD) tidak akan dibayar sekiranya TPD disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - Cubaan membunuh diri atau kecederaan yang disengajakan diri ketika waras atau tidak waras;
 - Terlibat dalam penerbangan udara (termasuk terjun payung dan terjun udara) selain sebagai kru atau sebagai penumpang yang membayar tambang pada pesawat komersial yang membawa penumpang berlesen yang beroperasi di laluan berjadual biasa; atau
 - Keadaan Sedia Ada.

8. Bagaimanakah saya boleh menyertai HLM Takaful Tenang 75?

Anda boleh menyertai HLM Takaful Tenang 75 secara atas talian menerusi laman web kami di www.hlmserv.com.

9. Bolehkah saya menggunakan Baucar Perlindungan Tenang untuk menyertai HLM Takaful Tenang 75?

Ya. Anda boleh menyemak kelayakan anda untuk baucar tersebut di www.myptv.my. Sekiranya anda layak menerima baucar tersebut dan anda ingin melangani pelan HLM Takaful Tenang 75 kami, anda boleh melayari <https://www.hlmserv.com/en/Products/Tenang/Plan.aspx> dan melengkapkan penyertaan anda dengan mengisi maklumat yang diperlukan.

10. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Pembatalan akan berkuat kuasa dari tarikh sumbangan perlu dibayar berikutnya. Sila ambil maklum bahawa semasa pembatalan, sijil Takaful ini tidak akan memberikan apa-apa bayaran daripada PRF dan anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil anda. Walau bagaimanapun, penyertaan dalam pelan takaful adalah suatu komitmen kewangan jangka panjang.

11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami sebarang perubahan pada maklumat perhubungan anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda pada masa yang tepat.

12. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk risalah *insuranceinfo* mengenai 'Takaful Keluarga' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari www.hlmtakaful.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad

Ibu Pejabat, Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,

No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,

46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Telefon: 03-7650 1800

Faks: 03-7620 6730

E-mel: ReachUs@hlmt.com.my

13. Jenis perlindungan takaful keluarga serupa lain yang sedia ada.

Sila rujuk kepada kakitangan perkhidmatan pelanggan kami untuk jenis pelan serupa lain yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH SUATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL TERBAIK YANG SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ATAU TERUS MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini sah pada <DD/MM/YYYY>

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Hong Leong MSIG Takaful Berhad
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai HLM Takaful Tenang. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	HLM Takaful Tenang

1. Apakah produk ini?

Ini adalah pelan takaful keluarga bertempoh yang boleh diperbaharui setiap tahun yang menyediakan perlindungan terhadap kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD). Pelan ini akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh satu (1) tahun lagi tanpa pengunderaan, sehingga maksimum dua (2) kali.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Tabarru' - Derma daripada bahagian sumbangan yang akan diperuntukkan ke Dana Risiko Peserta (PRF), yang akan digunakan untuk bantuan dan pertolongan bersama di kalangan rakan-rakan peserta.
- Iltizam Bi Al-Tabarru' - Komitmen untuk melakukan Tabarru'.
- Wakalah - Secara asasnya hubungan ejen-prinsipal, dimana Pengendali Takaful bertindak sebagai ejen bagi pihak peserta untuk menguruskan PRF dan Pengendali Takaful mendapat Yuran Wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan.
- Ju'alah - Perjanjian di mana peserta berjanji untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful atas pencapaian atau prestasi baik Pengendali Takaful dalam menguruskan PRF yang menyebabkan berlakunya Lebihan dalam dana tersebut.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Jumlah Perlindungan Asas Permulaan: RM <XXXX>

Manfaat	Keterangan Manfaat	Tempoh Perlindungan*
Kematian	<p>Sekiranya berlaku kematian ketika sijil masih berkuatkuasa, kami akan membayar 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas.</p> <p>(a) Jumlah Perlindungan Asas akan disemak semula semasa pembaharuan pertama bersamaan 105% daripada Jumlah Perlindungan Asas Permulaan.</p> <p>(b) Jumlah Perlindungan Asas akan disemak semula semasa pembaharuan kedua bersamaan 110% daripada Jumlah Perlindungan Asas Permulaan.</p>	1 tahun
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)	<p>Sekiranya berlaku TPD ketika sijil masih berkuatkuasa, kami akan membayar 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas sebagai Manfaat TPD. Semasa pembaharuan sijil, Jumlah Perlindungan Asas akan disemak semula seperti berikut:</p> <p>(a) Jumlah Perlindungan Asas akan disemak semula semasa pembaharuan pertama bersamaan 105% daripada Jumlah Perlindungan Asas Permulaan.</p> <p>(b) Jumlah Perlindungan Asas akan disemak semula semasa pembaharuan kedua bersamaan 110% daripada Jumlah Perlindungan Asas Permulaan.</p> <p>Had TPD maksimum semasa setiap hayat adalah RM 8 juta, untuk semua Manfaat TPD yang perlu dibayar di bawah semua sijil (termasuk rider) yang sudah dikeluarkan atau akan dikeluarkan, termasuk sijil ini berkenaan dengan Orang Dilindungi yang sama.</p>	1 tahun

*Perlindungan akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh satu (1) tahun, sehingga maksimum dua (2) kali.

4. Berapakah jumlah sumbangan yang saya perlu bayar?

- Anggaran jumlah sumbangan yang anda perlu bayar: RM <XXX> <Mod Bayaran>
- Tempoh Sumbangan: Sehingga akhir tempoh perlindungan.
- Sekiranya anda merancang untuk menggunakan baucar Perlindungan Tenang, sila ambil maklum bahawa baucar tersebut hanya akan digunakan bagi sumbangan pertama anda. Sebarang sumbangan yang melebihi jumlah baucar perlu dibayar oleh anda.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

(a) Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan termasuk kos pemasaran.

(b) Tabarru'

Sumbangan selepas ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke dalam PRF sebagai Tabarru'. Amaun Tabarru' adalah tidak dijamin memandangkan sumbangan bagi pelan ini juga tidak dijamin. Kami berhak untuk mengubah sumbangan dengan memberikan notis bertulis 90 hari kepada Peserta.

Jadual di bawah menunjukkan peruntukan Sumbangan:

	Yuran Wakalah	Tabarru'
% Sumbangan	<XX>	<XX>
Jumlah (RM)	<XX>	<XX>

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu tahu?

(a) Kepentingan Pendedahan

Kewajipan pendedahan pra-kontrak - Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan semua fakta material, termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan perubatan dan nyatakan umur anda dengan betul. Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan yang anda tahu atau dijangka untuk mengetahui dengan sebaik-baik pengetahuan anda dan dengan niat baik.

(b) Tempoh Bertenang

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil tersebut dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda.

(c) Kewajipan Peserta

Anda perlu berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar sumbangannya.

(d) Iltizam Bi Al-Tabarru'

Sumbangan anda setelah ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke dalam PRF berdasarkan konsep Iltizam bi Al-Tabarru'.

(e) Perkongsian Lebihan daripada PRF

Sebarang lebihan daripada PRF akan diagihkan antara anda dan kami dalam nisbah 50:50. Kami berhak ke atas lebihan berdasarkan prinsip Syariah iaitu Ju'alah.

(f) Rekod Pembayaran

Sila simpan satu salinan rekod transaksi sebagai bukti pembayaran sumbangan.

(g) Menukar Sijil Takaful

Ia mungkin tidak memanfaatkan untuk menukar daripada satu sijil takaful kepada yang lain atau daripada satu pengendali takaful kepada yang lain kerana anda mungkin akan tertakluk kepada terma dan syarat baru untuk sijil takaful atau pengendali takaful tersebut.

(h) Tempoh Ihsan

Anda diberi tempoh ihsan selama 30 hari dari tarikh akhir pembayaran sumbangan. Sekiranya Sumbangan masih belum dibayar pada akhir tempoh ihsan ini, sijil mungkin akan luput.

(i) Pembaharuan Automatik Tanpa Pengunderaitan

Setelah sijil tamat, sijil akan diperbaharui secara automatik untuk perlindungan selama 1 tahun lagi tanpa sebarang syarat pengunderaitan, tertakluk kepada umur akhir maksimum ketika pembaharuan dan pembaharuan maksimum sehingga 2 kali. Sumbangan akan kekal pada tahap yang sama ketika pembaharuan. Walau bagaimanapun, kami berhak untuk mengubah sumbangan ketika pembaharuan dengan memberikan notis bertulis 90 hari. Anda perlu memberitahu kami sekurang-kurangnya 30 hari sebelum penamatan sijil jika anda tidak mahu memperbaharui sijil ini untuk 1 tahun lagi.

(j) Penamaan

Adalah penting untuk anda menamakan seseorang untuk menerima manfaat yang dibayar di bawah sijil anda dan memastikan bahawa penama tersebut menyedari tentang sijil yang anda sertai.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai lengkap bagi terma dan syarat di bawah sijil ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

- (a) Bunuh diri - sekiranya kematian disebabkan membunuh diri dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan atau sebarang tarikh pengembalian semula sijil, tiada manfaat kecuali Tabarru' yang tidak digunakan (jika ada) akan dibayar.
- (b) Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD) tidak akan dibayar sekiranya TPD disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - cubaan membunuh diri atau kecederaan yang disengajakan diri ketika waras atau tidak waras;
 - terlibat dalam penerbangan udara (termasuk terjun payung dan terjun udara) selain sebagai kru atau sebagai penumpang yang membayar tambang pada pesawat komersial yang membawa penumpang berlesen yang beroperasi di laluan berjadual biasa; atau
 - Keadaan Sedia Ada yang tidak didedahkan kepada kami berkaitan dengan status kesihatan anda.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Pembatalan akan berkuat kuasa dari tarikh sumbangan perlu dibayar berikutnya. Sila ambil maklum bahawa semasa pembatalan, sijil Takaful ini tidak akan memberikan apa-apa bayaran daripada PRF dan anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil anda. Walau bagaimanapun, penyertaan dalam pelan takaful adalah suatu komitmen kewangan jangka panjang.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami sebarang perubahan pada maklumat perhubungan anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda pada masa yang tepat.

10. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk risalah *insuranceinfo* mengenai 'Takaful Keluarga' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari www.hlmtakaful.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad
Ibu Pejabat, Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,
46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 03-7650 1800
Faks: 03-7620 6730
E-mel: ReachUs@takaful.hongleong.com.my

11. Jenis perlindungan takaful keluarga serupa lain yang sedia ada.

Sila rujuk kepada kakitangan perkhidmatan pelanggan kami untuk jenis pelan serupa lain yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH SUATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL TERBAIK YANG SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ATAU TERUS MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini sah pada <DD/MM/YYYY>